

SIARAN MEDIA

PENUTUPAN DI JALAN BUKIT BINTANG (TERKINI)

Kuala Lumpur, 26 April 2014: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin memberikan perkembangan terkini berhubung penutupan di Jalan Bukit Bintang.

Selepas lubang mendap yang terbentuk pada malam Khamis sudah dikambus balik, Kontraktor Kerja-kerja Bawah Tanah untuk Projek MRT, MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) akan menjalankan aktiviti-aktiviti pemadatan tanah di kawasan tersebut. Ini adalah untuk memberikan semula kestabilan pada lapisan bawah permukaan tanah.

Kerja-kerja pemadatan tanah telah dijalankan selepas lubang-lubang yang terbentuk akibat mendapan jalan ditutup.

MGKT akan sentiasa memantau keadaan tanah dan bangunan-bangunan di sekitar jika terdapat sebarang petanda pergerakan. Bacaan akan dibuat dari masa ke masa pada alat-alat penanda yang berfungsi mengesan sebarang mendapan atau kecondongan, yang dipasang di dalam bangunan. Setakat ini, penanda-penanda ini tidak menunjukkan sebarang pergerakan yang dikesan.

Kerja-kerja untuk membuka sementara pembahagi jalan di Jalan Bukit Bintang sedang dijalankan bagi membolehkan kenderaan untuk keluar dari Bangunan LTAT dan masuk ke Menara Worldwide. Laluan keluar sementara untuk Bangunan LTAT hampir siap untuk digunakan sementara kerja-kerja membina laluan masuk sementara ke Menara Worldwide sedang berjalan. Kedua-dua laluan ini akan siap dibina sebelum waktu puncak trafik pada pagi Isnin.

Laluan sementara yang baru ini terpaksa dibina kerana jalan keluar dan akses masuk untuk kedua-dua bangunan yang terjejas, terpaksa ditutup.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Encik Amir Mahmood Razak berkata MRT Corp dan MGKT akan terus memberikan pemerhatian yang sepenuhnya kepada kawasan yang terbabit.

"Pemantauan berterusan sedang dijalankan untuk memastikan keselamatan awam tidak diabaikan," beliau berkata.



Lencongan Trafik

Laluan 500m di Jalan Bukit Bintang (menghala ke Jalan Tun Razak) di antara Chulan Square dan Menara Worldwide akan ditutup kepada semua aliran trafik.

Semasa penutupan jalan, trafik aliran kontra akan dilaksanakan, dimana trafik dari Bukit Bintang menghala ke Jalan Tun Razak akan dilencongan ke dua laluan di sebelah bertentangan (menghala ke Bukit Bintang). Laluan-laluan di Jalan Bukit Bintang (menghala ke Jalan Imbi dan Jalan Pudu) masih boleh digunakan.

Beberapa jalan di Bukit Bintang ditutup pada hari ini sempena lawatan Presiden Amerika Syarikat, Barrack Obama. Ini mungkin menjejaskan beberapa laluan alternatif yang telah dicadangkan oleh MRT Corp untuk mengelak kawasan yang ditutup di Jalan Bukit Bintang.

Pengguna jalan raya diingatkan agar sentiasa mematuhi semua papan tanda dan mengikuti sebarang arahan oleh polis trafik yang menguruskan trafik di kawasan itu.

MRT Corp ingin memohon maaf untuk kesulitan yang berlaku dan akan terus memberikan perkembangan terkini. Pengumuman akan dibuat apabila laluan dibuka semula.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang MRT di **www.mymrt.com.my** atau **www.mymrt-underground.com.my**, Twitter **[@MRTMalaysia](https://twitter.com/MRTMalaysia)** atau **[@MyMRTUnderground](https://www.facebook.com/MyMRTUnderground)**, Facebook **[@MRTMalaysia](https://www.facebook.com/MRTMalaysia)** atau menghubungi Hotline MRT di 1-800-82-6868.

TAMAT

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd

Cik Jalina Joheng

03-23858625 / jalina@kvmrt-ug.com.my

MRT Corp

En Leong Shen-li

03-20813182 / leong.shen-li@mymrt.com.my